

03 SEP 2002

MESYUARAT PRAMAJLIS DEWAN RAKYAT DAN DEWAN NEGARA ISNIN DEPAN

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mempengerusikan mesyuarat pramajlis dengan semua anggota Dewan Rakyat dan Dewan Negara dari komponen Barisan Nasional pada Isnin depan.

Setiausaha Eksekutif Barisan Nasional, Datuk Yaakob Mohammad dalam kenyataan di sini hari ini berkata mesyuarat pramajlis itu akan diadakan di Bangunan Parlimen bermula pada 8.30 pagi.

Mesyuarat itu mendahului persidangan Dewan Rakyat yang dijadual bersidang selama 38 hari bermula Isnin ini dan akan disusuli dengan persidangan Dewan Negara yang akan berlangsung pada 11-28 Nov.

-- BERNAMA

FA AHH RHM